

# Isu 3R: Kertas siasatan Abdul Hadi, Tun M diserahkan AGC

**KUALA LUMPUR:** Kertas siasatan membabitkan Presiden Pas, Tan Sri Abdul Hadi Awang dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad membabitkan isu agama, raja dan kaum (3R) diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara (AGC) untuk tindakan selanjutnya.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, kertas siasatan membabitkan Abdul Hadi diserahkan AGC pada pagi semalam.

“Berhubung siasatan terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berikutan kenyataannya yang dikatakan menghina institusi diraja, itu juga diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara, Selasa lalu,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan majlis penutup Simposium Forensik Kebangsaan ke-4 2023 di Maktab Polis Diraja Malaysia, di sini se-

malam.

Isnin lalu, polis mengambil keterangan Abdul Hadi berhubung kenyataan dalam ceramahnya di markas parti itu di Bakri, Muar di Johor, bulan lalu.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay dilaporkan berkata, Abdul Hadi hanya menjawab lima daripada 24 soalan daripada pihak polis.

Ketika proses rakaman percakapan tersebut, Abdul Hadi memilih untuk menjawab baki 19 soalan polis di mahkamah.

Abdul Hadi disiasat mengikut Akta Hasutan 1948 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Dalam perkembangan berasingan, Razarudin mengesahkan polis akan mengambil keterangan Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin, Selasa ini berhubung isu ‘fatwa’ politik yang dikeluarkannya.